



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

**Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013**

SAMBUTAN AMBANG TAHUN BAHARU 2025 KEMUNCAK ACARA LAMPU2024

PUTRAJAYA, 31 Disember 2024 – Festival LAMPU2024 yang berlangsung dari 27 hingga 31 Disember lalu, telah berjaya menarik kehadiran pengunjung dari seluruh negara dengan persembahan pemetaan cahaya mega dan pelbagai aktiviti sampingan yang menakjubkan. Kemuncak acara festival ini adalah Sambutan Ambang Tahun Baharu 2025 yang disempurnakan oleh YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), pada malam ini.

Menampilkan kelainan berbanding pengisian pada empat (4) malam sebelumnya, pengunjung disajikan dengan persembahan pemetaan cahaya mega khas, pertunjukan kawad senyap oleh TLDM dan persembahan nyanyian daripada selebriti tanah air iaitu Hazama, Amir Masdi serta Ziana Zain. Ribuan pengunjung bersama-sama mengira detik dengan pertunjukan bunga api disajikan tepat pada tengah malam, sebagai simbolik menyambut kedatangan tahun baharu 2025.

LAMPU2024 dibawakan dengan tema “Menerangi Masa Depan” melalui konsep futuristik, sekali gus membawa aspirasi visi CHASE City yang dihasratkan oleh YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). CHASE City yang merupakan akronim bagi *Clean City, Healthy City, Advanced City, Safe City dan Eco-Friendly City* di mana visi ini dibangunkan untuk membina Wilayah Persekutuan sebagai sebuah bandar yang membangun dalam gabungan kemajuan teknologi dengan

kemampuan dan kelestarian alam sekitar. LAMPU2024 menggabungkan seni dan teknologi dilihat berupaya meletakkan Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagai sebuah bandar raya pintar yang bukan sahaja moden dan berteknologi tinggi bahkan mengutamakan kesejahteraan penduduk dan juga alam sekitarnya dalam usaha memastikan kebolehidupan yang lebih berdaya tahan serta mampan untuk masa hadapan.

Acara ini bukan sahaja meraikan kedatangan tahun baharu, tetapi juga memperkukuhkan semangat kebersamaan dan kesederhanaan dalam kalangan rakyat Malaysia selari dengan aspirasi Malaysia Madani.



(SITI FADILAH BINTI RAMLI)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 31 Disember 2024



Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Asmawi bin Ahmad di talian 012-6155516 atau Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564.